



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA



WARQAH

Sultan Zainal Abidin III

(1881-1918)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPERIMPAN
PERDANA



WARQAH

Sultan Zainal Abidin III
(1881-1918)



PUSTAKA PERDANA



1013967



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Cetakan Pertama 2023
© Arkib Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN: 978-967-912-187-2 (Hardback)

Penasihat:

YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

Pengtransliterasi:

Ahmad Azhar bin Harun @ Musa

Penulis:

Profesor Madya Dr. Jelani bin Harun

Penyelaras:

Nor Kamisah binti Yusoff

Penyunting:

Mokhtaruddin bin Lamsin
Ahmad Sukri bin Haji Abdul Kadir
Haji Mohd Nasir bin Haji Ismail
Nor Kamisah binti Yusoff

Dibantu oleh:

Azhaniah binti Azizan
Farhana binti Tungahser
Mohamad Roslailly bin Rosdi
Nor Farahana Syakila binti Abdullah
Norhidayah binti Harun

Fariha binti Abdul Rahman
Dayang Norintan binti Awang Bima
Mohd Nazri bin Jalil
Hafizah binti Mat Isa
Siti Zainab binti Abdul Halim

Diterbitkan oleh:

Arkib Negara Malaysia
Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6209 0600

Faks: 03-6201 5679

Laman Sesawang: www.arkib.gov.my

Dicetak oleh:

Percetakan Mesbah Sdn Bhd
No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor

Direka bentuk oleh:


Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri Bangi,
43000 Kajang, Selangor

808.
JEL (f)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Prakata

Menteri Perpaduan Negara



Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

Mengingati dan mengetahui biografi tokoh-tokoh silam bukan sekadar mengimbau sejarah dan kenangan lampau tetapi membawa maksud mengingati dan menghargai jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tersebut dalam pembangunan negara, lebih-lebih lagi yang telah meletakkan asas ketamadunan yang masih kekal sehingga hari ini.

Penerbitan buku *Warqah Sultan Zainal Abidin III (1881-1918)*, sultan yang memerintah negeri Terengganu dari tahun 1881 hingga tahun 1918 boleh membuka minda pembaca terhadap sosok seorang sultan yang alim dan adil. Pemerintah ke-11 Kesultanan Terengganu ini boleh dijadikan contoh teladan tentang amalan pemerintahan dan pentadbiran yang adil dengan menjadikan agama sebagai sandaran dan pedoman. Keadilan dan kealiman baginda sangat tersohor dalam sejarah ketamadunan dan kesultanan Terengganu, sebuah negeri yang menjunjung tinggi institusi Raja-raja Melayu. Gaya kepimpinan, urusan pemerintahan, pembangunan sosioekonomi dan kedaulatan undang-undang ditonjolkan supaya masyarakat umum lebih-lebih lagi generasi muda dapat menjadikannya sumber rujukan demi kelangsungan tatakelola negara yang telus, adil dan berdaya saing.

Usaha mentransliterasi warkah atau manuskrip ini yang bertulisan Jawi lama bagi memudahkan para pembaca dan pengkaji sejarah merujuk dan mengkajinya wajar disokong dan dipuji. Malah, usaha ini selari dengan Dasar Perpaduan Negara yang dibangunkan pada tahun 2021, iaitu Teras 01: Patriotisme dan Demokrasi di bawah Strategi 2: Meningkatkan Pemahaman dan Penghayatan Sejarah Malaysia. Ia juga bertepatan dengan sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan dalam urus tadbir pemerintahan negara serta tuntutan kesetiaan kepada kepada Raja dan negara sebagaimana yang digagaskan dalam Rukun Negara.

Saya yakin usaha menerbitkan buku ini akan mengilhamkan penyelidik lain untuk menggali lebih banyak sejarah dan warisan negeri Terengganu dan negara Malaysia yang tersimpan rapi di Arkib Negara Malaysia. Usaha ini boleh dilakukan dengan memberikan nafas baharu dari segi analisis dan tafsirannya yang sekali gus boleh menyumbang kepada pengayaan khazanah ilmu pengetahuan dan pendidikan masyarakat.

Justeru, saya amat percaya bahawa penerbitan ini akan menjadi khazanah yang cukup bermakna buat tatapan anggota masyarakat pada masa ini dan akan datang. Inisiatif ini selari dengan aspirasi kerajaan yang sentiasa berusaha untuk membangunkan dan menyediakan platform sumber keilmuan yang kondusif bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai dan majmuk.


Datuk Aaron Ago Dagang

Prakata

Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

Buku yang menghimpunkan koleksi warkah atau manuskrip semasa era pemerintahan Sultan Zainal Abidin III ini merupakan usaha Arkib Negara Malaysia untuk mendokumentasikan maklumat sejarah yang terdapat dalam simpanannya. Manuskrip atau warkah yang menonjolkan gaya kepimpinan, pentadbiran dan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III yang adil dan alim ini amat sesuai untuk dirujuk dan diterokai oleh pelbagai golongan masyarakat.

Penerbitan buku ini adalah satu apresiasi yang sungguh bermakna bagi menghargai jasa-jasa Sultan Zainal Abidin III sekali gus memberi dorongan, panduan dan pengajaran kepada para pelajar, pembaca, pengkaji dan masyarakat majmuk di negara ini untuk meneladani gaya kepimpinan, keadilan dan kewarakan baginda. Ia bukan sahaja menjadi sumber penyaluran ilmu malah menonjolkan nilai budaya, pentadbiran dan sebagainya yang boleh membantu proses integrasi sosial dan nasional. Justeru, amat wajar manuskrip atau warkah yang dihasilkan pada zaman pemerintahan baginda diterbitkan dan dibuka untuk tatapan agar rakyat jelata dapat mengambil pengajaran dan menjadikannya sumber rujukan yang lestari sepanjang zaman.

Usaha menghimpunkan koleksi warkah atau manuskrip ini sangat dialu-alukan. Baginda telah meninggalkan jasa yang sangat besar dalam pembangunan kerajaan dan perkembangan agama Islam bukan sahaja di Terengganu malah Malaysia. Baginda begitu kuat memelihara adat istiadat Melayu, tradisi kesultanan dan menjunjung tinggi ajaran agama Islam di bawah kepimpinan para ulama pada waktu pemerintahan baginda.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyambut baik inisiatif penerbitan seperti ini dan mengharapkan ia dapat diteruskan lagi pada masa akan datang demi kelangsungan pewarisan sejarah dan maklumat silam untuk tatapan bukan sahaja generasi kini tetapi juga generasi akan datang.

Datuk Azman bin Mohd Yusof




Prakata

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Arkib Inti Pati Masa



Sukacita saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Arkib Negara Malaysia dapat menerbitkan buku *Warqah Sultan Zainal Abidin III (1881-1918)*. Buku ini merupakan koleksi warkah atau manuskrip berkenaan Sultan Zainal Abidin III yang merupakan Sultan Terengganu yang ke-11 dalam sejarah kesultanan Terengganu. Sebagaimana yang kita maklum, manuskrip kepunyaan Sultan Zainal Abidin III ini berusia hampir 100 tahun dan merupakan antara rekod bernilai yang disimpan rapi di Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu. Manuskrip Sultan Zainal Abidin III ini menjadi bahan rujukan oleh para penyelidik dari dalam dan luar negara. Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan manuskrip ini dikumpulkan dan dibukukan dalam satu penerbitan khas bagi memudahkan penyelidik membuat rujukan, selain rekod asal yang bernilai dapat dipelihara daripada rosak kerana penggunaan yang kerap oleh para penyelidik.

Buku yang dibahagikan kepada enam bab ini memaparkan himpunan transliterasi daripada koleksi warkah atau manuskrip kepunyaan Sultan Zainal Abidin III kepada dan daripada para pegawai British, Raja Kelantan, Raja Siam dan rakyat jelata. Antara perkara yang disentuh dalam koleksi Sultan Zainal Abidin III ini adalah berkaitan penetapan sempadan, bancian, tanah, pajakan, jenayah, sewa beli dan hubungan persahabatan antara ketiga-tiga kerajaan. Seperti mana yang kita maklum, tatabahasa dan gaya bahasa yang terdapat dalam manuskrip asal amat sukar untuk dibaca kerana menggunakan tulisan Jawi lama. Justeru, penerbitan buku ini adalah satu keputusan yang tepat kerana ia akan memudahkan para penyelidik dan pelajar melaksanakan kerja penyelidikan terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai kebolehan membaca teks Jawi lama.

Akhir kalam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBrs. Prof. Dr. Jelani bin Harun (Universiti Sains Malaysia) dan Encik Ahmad Azhar bin Harun @ Musa (Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu) atas sumbangan buah fikiran sehingga buku ini dapat diterbitkan. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman

Catatan Perumian

Dalam penghasilan karya ini, kami telah merujuk kepada pelbagai jenis penerbitan dalam Jawi dan Rumi dari pelbagai abad. Disebabkan terdapat kepelbagaian huruf dan ejaan daripada pelbagai sumber, maka pasukan penyunting telah menggariskan bentuk kaedah ejaan adalah menggunakan perkataan Arab atau serapannya dan beberapa istilah keilmuan yang khusus.

Secara ringkas, ejaan bahasa Arab yang digunakan dalam penerbitan ini adalah terhadap perkara-perkara seperti yang berikut:

- Ucapan aluan warkah, penghargaan dan makluman yang disuratkan dalam Arab.
- Doa, ayat al-Quran dan hadis yang dipetik.
- Perkataan tertentu bagi menjaga huruf tertentu yakni kh (خ), dh (ذ), sh (ش), ' (ع), gh (غ), q (ق) dan ' (ء). Contohnya ma'lum, warqah, ta'luq, fāidah.
- Perkataan yang dieja bagi menjaga huruf tertentu seperti:
 - o Nama-nama bulan Islam: Ramadān, Rabī' al-Awwal, Jumādā al-Ūlā.
 - o Istilah khusus: 'āfiyat, al-marḥūm, do'a, Nabī, waṣal, ta'rif, maḍmūm, 'alam.
 - o Nama orang yang tertentu: Maḥmūd, Muḥammad.

Jadual perumian adalah seperti yang berikut:

Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ء	'	ز	z	ق	q	Saksi	
ب	b	س	s	ك	k	Panjang	
ت	t	ش	sh	ل	l	ا	ā
ث	th	ص	s	م	m	آ	ā
ج	j	ض	ḍ	ن	n	و	ū
ح	h	ط	ṭ	ه	h	ي	ī
خ	kh	ظ	ẓ	و	w	Pendek	
د	d	ع	'	ى	y	-	a
ذ	dh	غ	gh	ة	-ah	-	u
ر	r	ف	f	dalam bentuk penuh		-	i
					-at	-	

Bagi *nama khas* yang telah rasmi dan sedia ada ejaannya dalam huruf Rumi, maka ejaan rasmi dan sedia ada itu akan digunakan.

Manakala ejaan lama dikekalkan kecuali kepada perkataan yang dinyatakan seperti: pe(ng)kurniaan, meng(h)adap dan bi(n)cara.

Tanda Baca:

[...] perkataan tidak jelas/hilang

abc perkataan digugurkan daripada manuskrip asal



Cap mohor Sultan Zainal Abidin III

Warqah Sultan Zainal Abidin III Suatu Pengenalan

Pengenalan

Warqah istana menjadi salah satu sumber penting yang merekodkan pelbagai ma'lumat tentang urusan pentadbiran kerajaan pada masa silam. Sebagai sumber sejarah, warqah istana mempunyai nilai keistimewaannya yang tersendiri kerana berhubungan secara langsung dengan raja pemerintah bagi sesebuah kerajaan itu. Isi kandungan warqah memiliki ciri keaslian dan kesahihan yang cukup tinggi kerana melibatkan urusan rasmi raja-raja dalam melaksanakan tugas baginda selaku pemerintah kerajaan. Penulisan dan pengiriman sesuatu warqah dibuat dengan teliti oleh jurutulis istana yang berpengalaman luas dalam hubungan dalam dan luar negara. Setiap warqah menampilkan susunan bahasa yang kemas dan indah dibaca serta lengkap dengan tarikh penulisannya. Terdapat warqah istana yang mempunyai tandatangan raja-raja atau para pegawai British yang berkaitan sebagai pengesahan akan ketulenan pengiriman warqah tersebut. Beberapa asas kaedah penelitian warqah istana kesultanan Melayu boleh ditemui dalam Asmah Haji Omar (2013).

Kelazimannya, warqah istana mengandungi pelbagai urusan raja-raja dalam hal perdagangan, percukaian, pemilikan tanah, pembahagian sempadan negeri, permasalahan agama dan sebagainya. Terdapat juga warqah istana yang mencatatkan peraturan undang-undang dan amalan adat istiadat, perkahwinan, kemangkatan dan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku dalam pemerintahan seseorang raja. Sebahagian daripada warqah istana menjadi dokumen atau rekod rasmi tentang sejarah

hubungan diplomatik antara raja-raja Melayu dengan raja-raja lain di Alam Melayu termasuk juga hubungan raja-raja Melayu dengan para pegawai British yang berkhidmat di Alam Melayu. Hampir keseluruhan warqah istana pada masa lalu menggunakan perantaraan bahasa Melayu bertulisan Jawi. Di samping itu, penggunaan bahasa Arab begitu lumrah ditemui dalam warqah istana raja-raja Melayu serta penggunaan sistem pentarikan yang berasaskan tahun Hijrah.

Beberapa buah koleksi warqah yang berhubungan dengan Sultan Zainal Abidin III kini tersimpan di ibu pejabat Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu dan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu di Kuala Lumpur. Setiap warqah mempunyai cap mohor Sultan Zainal Abidin III yang tertera nama "Al-Wathiqu Billah Al-Malik Al-Matin Al-Sultan Zain Al-'Abidin ibni Al-Sultan Ahmad Al-Marhūm, Sanah 1299". Gelaran nama "Al-Wathiqu Billah" telah digunakan oleh Sultan Zainal Abidin III sejak tahun 1299 Hijrah lagi yang bersamaan dengan tahun 1881 Masihi sewaktu baginda mula menaiki takhta Kerajaan Negeri Terengganu. Hal ini secara langsung memperlihatkan kepentingan warqah Sultan Zainal Abidin III dalam memerikan kekuasaan dan kedaulatan baginda selaku sultan Terengganu antara tahun 1881-1918 yang lalu.

Di samping aspek pemerintahan, warqah Sultan Zainal Abidin III banyak menyuratkan sejarah perkembangan sosioekonomi yang sedang berlaku di negeri Terengganu ketika itu. Terdapat warqah yang berhubungan dengan pembukaan tanah perlombongan dan

perladangan serta cadangan pembinaan jalan raya dan jalan kereta api oleh pihak British. Terdapat warqah yang berkaitan dengan banciaan bilangan penduduk di Terengganu di samping warqah-warqah yang memperlihatkan keprihatinan Sultan Zainal Abidin tentang masalah penyakit berjangkit dan penjagaan kesihatan rakyat. Selain itu, Sultan Zainal Abidin III juga memberi perhatian kepada aspek pelaksanaan undang-undang melalui pelbagai cadangan untuk memperbaiki keadaan penjara, membina mahkamah dan balai polis yang lebih moden di Terengganu. Sultan Zainal Abidin III banyak menyumbang jasa dalam proses awal pembangunan dan pemodenan negeri Terengganu.

Warqah istana menjadi salah satu sumber rujukan yang sangat berharga bagi mengetahui sikap dan pemikiran seseorang raja yang memerintah kerajaan pada masa lalu. Hal ini antara lain tergambar melalui peranan Sultan Zainal Abidin III dalam membentuk berbagai-bagai perjanjian dengan pihak British dan seterusnya menjadi undang-undang yang perlu dilaksanakan dalam pemerintahan kerajaan. Semua dokumen perjanjian tersebut secara langsung dan tidak langsung memperlihatkan kemahiran siasah Sultan Zainal Abidin III dalam usaha baginda membawa kemajuan kepada negeri Terengganu dan memelihara kesejahteraan hidup rakyat. Semua bentuk perjanjian tersebut menjadi sebahagian daripada dokumen rasmi dalam sejarah kesultanan Terengganu dan kini terbuka kepada penelitian sarjana dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Kesimpulan

Sultan Zainal Abidin III muncul sebagai salah seorang tokoh pemerintah yang sangat diingati dalam sejarah kesultanan Terengganu. Baginda lahir pada tahun 1865 dan mangkat pada tahun 1918 dengan meninggalkan jasa yang sangat besar dalam pembangunan kerajaan dan perkembangan agama Islam di Terengganu. Sultan Zainal Abidin III adalah ikon seorang raja pemerintah kerajaan yang adil dan alim di Terengganu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sejarah kehidupan baginda amat wajar terus diketengahkan kepada masyarakat pada masa kini sebagai bahan pengajaran yang lestari sepanjang zaman.

Keunggulan keperibadian Sultan Zainal Abidin III sebagai raja terhasil daripada suatu proses asuhan tradisi dan didikan Islam yang diterima baginda dalam lingkungan kehidupan istana Terengganu yang akhirnya membina kebijaksanaan baginda dalam menerajui pemerintahan kerajaan. Riwayat kehidupan dan pemerintahan Sultan Zainal Abidin III turut terakam kemas dalam sejumlah besar warqah istana yang menjadi warisan tinta negara yang tidak ternilai harganya. Warqah Sultan Zainal Abidin III menjadi gedung ma'lumat tentang sebahagian daripada sejarah kehidupan dan sejarah pemerintahan baginda yang masih boleh ditatapi oleh masyarakat hingga ke hari ini.

Bab 1

Sultan Zainal Abidin III



دین داه و هم مایینگر جنس ایطارته دیگر بچکر جوا
بیت السلطان زین العابدین ثیا عفت فر شاهن
سرو کلین عالم جوالیر مع کهد فر عباس سریناد رکبته
سلت داه های کبیش ز باکی نکری علا یور المهور الملشور
دور کبته بیت یانت در مجال فر کار کفادان دانشار اثر غلام
خدا ۸ هار بیور ذی الحجج تاهن ۱۸۸۶ ایت
تق کرا جا ترقا نوسق نقاد و بلیور دی سکوت
سنادان ایت داه فی هق کرا جا گنته خور
دوام بیست فکر بیتق برستو جوان

ص هنیج جرن
فترتاری داه
بار غده صلکن
بیسه ام

WARQAH

Sultan Zainal Abidin III

(1881-1918)

♦♦—————♦♦

Warqah istana menjadi salah satu sumber penting yang merekodkan pelbagai ma'lumat tentang urusan pentadbiran kerajaan pada masa silam. Sebagai sumber sejarah, warqah istana mempunyai nilai keistimewaannya yang tersendiri kerana berhubungan secara langsung dengan raja pemerintah bagi sesebuah kerajaan itu. Isi kandungan warqah memiliki ciri keaslian dan kesahihan yang cukup tinggi kerana melibatkan urusan rasmi raja-raja dalam melaksanakan tugas baginda selaku pemerintah kerajaan.



Sultan Zainal Abidin III menaiki takhta sebagai sultan Terengganu pada 27 Muharram 1299 yang bersamaan dengan 19 Disember 1881 dan mangkat pada 21 Şafar 1337 yang bersamaan dengan 25 November 1918 selepas memerintah selama 36 tahun 11 bulan dan 6 hari. Koleksi warqah yang berhubungan dengan Sultan Zainal Abidin III kini tersimpan di ibu pejabat Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu dan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu di Kuala Lumpur. Warqah Sultan Zainal Abidin III menjadi gedung maklumat tentang sebahagian daripada sejarah kehidupan dan sejarah pemerintahan baginda yang masih boleh ditatapi oleh masyarakat hingga ke hari ini.

ISBN 978-967-912-187-2



9 789679 121872